

▼03/06/12-33MST

U GB 03-06 00184 BD999

bah

Mahathir - Laporan

LAPORAN UNDP BERAT SEBELAH, TIDAK BOLEH DIANGGAP SERIUS

.I

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata laporan Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) yang menyenaraikan Malaysia di bawah Israel dalam pembangunan kemanusiaan adalah berat sebelah dan tidak boleh dianggap serius.

Beliau berkata ia menggambarkan orang yang membuat "Laporan Pembangunan Manusia" itu tidak mempunyai idea mengenai apa yang mereka perkatakan.

Ini adalah nyata kerana Israel, tempat berlakunya pembunuhan setiap hari, diletakkan pada senarai yang lebih tinggi manakala Malaysia yang berusaha mewujudkan keadaan negara yang stabil, diletak pada senarai lebih rendah, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan persidangan "Islam dan Keadilan" yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini.

Laporan itu yang dikeluarkan bulan lepas, menurunkan kedudukan Malaysia dalam pembangunan kemanusiaan daripada tempat ke-51 pada tahun lepas kepada tempat ke-57 tahun ini.

Daripada kedudukan yang tinggi pada 1991, Malaysia turun kepada kategori sederhana tahun lepas dan sekarang kepada tempat yang lebih rendah dalam soal pembangunan kemanusiaan. -- Lagi.

▼03/06/13-27MST

U GB 03-06 00146 BD003

bah

Mahathir - Laporan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir kita boleh menerima laporan ini secara serius...Malaysia kini diletakkan di bawah Israel, tempat ramainya orang dibunuh setiap hari serta kanak-kakak ditembak, dan mereka menyifatkannya sebagai hak asasi manusia."

Beliau berkata penulisnya tidak menghargai apa yang dilakukan oleh Malaysia dalam mewujudkan kestabilan di negara ini dan mereka begitu berat sebelah dalam laporan itu.

"Orang yang mengetuai penyelidikan itu tidak mempunyai apa-apa idea mengenai pembangunan manusia dan hak asasi manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah perkara biasa bagi Barat membuat gambaran negatif mengenai negara-negara di Timur dan tidak mempedulikan usaha-usaha pembangunan yang dibuat.

"Kita boleh menyatakan bahawa banyak laporan adalah amat berat sebelah dan perkara yang terbaik untuk kita lakukan ialah menjaga diri kita sendiri dan melakukan sesuatu itu dengan cara yang betul." -- Lagi.

▼03/06/14-36MST

CNS1248

U GB 03-06 00208 BD004

bah

Mahathir - Laporan 3 Kuala Lumpur

Ketika diminta mengulas pilihan raya di Kemboja yang dikendalikan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Dr Mahathir melahirkan harapan semua rakyat Kemboja akan menerima keputusan pilihan raya itu.

Yang kalah perlu menerima kekalahan mereka, katanya.

"Dalam sesuatu pilihan raya, ada yang menang dan ada yang kalah," katanya.

Apa yang diperlukan oleh rakyat Kemboja sekarang ialah mewujudkan persetujuan antara parti-parti politik bahawa tidak terdapat kemenangan mutlak dan perlunya menubuhkan gabungan antara parti-parti politik yang besar untuk memerintah negara, katanya.

Parti Rakyat Kemboja (CPP), yang merupakan antara tiga parti utama, telah menuntut diadakan pilihan raya baru di empat daripada 21 wilayah, dengan mendakwa terdapatnya penyelewengan.

Parti dan kerajaan Perdana Menteri Hun Sen telah berkata penyelewengan berlaku semasa dan selepas pilihan selama enam hari itu yang diadakan minggu lepas, iaitu pilihan raya pelbagai parti yang pertama di Kemboja sejak sedekad lepas, dan yang pertama dikelolakan oleh PBB.

Dr Mahathir berkata CPP perlu menerima keputusan sepertimana sebelumnya mereka tidak membantah ketika memenangi di kawasan-kawasan lain. Bagaimanapun semasa kalah mereka mendakwa berlaku penyelewengan.

Katanya, adalah perkara biasa bagi yang kalah merasai seperti itu, dan beliau berharap perasaan seumpama itu akan dapat diatasi. -- Lagi.

▼03/06/15-07MST

CNS1255

U GB 03-06 00216 BD005

bah

Mahathir - Laporan 4 Kuala Lumpur

Mengenai pelaburan asing di negara ini, Perdana Menteri berkata walaupun Syarikat Otis, pembuat lif dan tangga bergerak, mempunyai hak untuk melabur di mana saja ia suka, kenyataan pengarah urusannya yang syarikat itu memilih Pulau Pinang untuk membina loji berharga AS\$60 juta kerana "lebih Cina" adalah satu pandangan yang sempit.

Beliau berkata jika syarikat itu mahukan "lebih Cina," lebih baik melabur di negara China.

Beliau berkata banyak syarikat luar yang melabur di negeri-negeri lain di negara ini yang tidak mempunyai "lebih Cina", tetap maju dan tidak menghadapi apa-apa masalah.

Majalah "The Economist" pada keluaran 22 Mei lepas menemuramah pengarah urusan syarikat itu Andrea Vecchiotti, dan pengarah urusan itu berkata mereka memilih Pulau Pinang dan bukannya Kuala Lumpur untuk membina loji itu kerana pulau itu "lebih Cina."

Dr Mahathir juga berkata Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) akan mempertingkatkan pengeluaran kereta-keretanya, terutamanya Proton Wira yang menerima tempahan melebihi penawaran.

Beliau berkata pada masa ini Proton mampu mengeluarkan 120,000 kereta setahun dan bagi mengatasi masalah itu, syarikat berkenaan sedang berusaha menambah pengeluaran kepada 150,000 kereta, dengan melebihi jenis Wira.

Proton Wira, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 22 Mei lepas habis ditempah untuk kuota tahun ini setelah seminggu dilancar. -- Lagi.

▼03/06/15-12MST

CNS1258

U GB 03-06 00136 BD006

bah

Mahathir - Laporan 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata tindakan Dewan Ulama Pas Kelantan mengeluarkan risalah mengandungi doa menentang Barisan Nasional (BN) bukanlah cara orang Islam bertindak.

"Tindakan yang sedemikian memberi gambaran yang tidak baik mengenai Islam," katanya.

Katanya, kumpulan itu sentiasa menyalahkan orang lain, dan menyalahgunakan tujuan doa untuk memburukkan kumpulan yang lain.

"Kita mana pernah bertindak begitu, malah tidak ada orang berdoa untuk mengutuk orang lain..ini bukan cara Islam," katanya.

Risalah empat muka itu, yang berjudul "Doa Pembebasan Umat Menentang Kezaliman - Dewan Ulama Pas Kelantan" dikatakan diedarkan sejak bulan lepas.

Doa itu yang ditulis dalam bahasa Arab serta mempunyai terjemahan dalam Bahasa Melayu secara langsung menyebut BN yang memerintah sebagai kerajaan yang zalim. -- Bernama.

HK-AHH AZ.

▼03/06/15-15MST